

Malaysia perkukuh agenda mobiliti hijau, pertumbuhan ekonomi mapan

Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri (JPM) menerima kenderaan elektrik sel bahan api (FCEV) hidrogen, Toyota Mirai, daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, semalam.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia menandakan langkah penting dalam memperkukuhkan agenda negara ke arah mobiliti hijau melalui teknologi rendah karbon serta pertumbuhan ekonomi bagi masa depan lebih mapan.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa inisiatif itu mencerminkan keyakinan rakan industri tempatan dan antarabangsa terhadap dasar serta hala tuju Malaysia, khususnya dalam membangunkan ekosistem hidrogen negara.

Beliau berkata, penyerahan kenderaan itu akan merancakkan kerjasama rentas sempadan dan memacu inovasi automotif di seluruh Asia Tenggara.

"Ia dalam usaha memastikan Malaysia bukan sahaja bersedia menghadapi keperluan masa depan, tetapi menjadi peneraju membentuk landskap mobiliti lebih bersih, selamat dan mampan untuk generasi akan datang," katanya menerusi Facebook beliau, semalam.

BERNAMA



Anwar hadir pada majlis kenderaan elektrik sel bahan api (FCEV) hidrogen, Toyota Mirai daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di Putrajaya semalam. (Foto Pejabat Perdana Menteri)